

Sumbangan kebolehkkerjaan pelajar terhadap modal insan produktif

UB 14.3.2018 B2

MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG
& GHAZALI SULAIMAN

PELAJAR Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang diperlukan dalam era ini adalah yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional serta memiliki kebolehkkerjaan. Sehubungan itu, hala tuju transformasi pendidikan vokasional yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) mendapat reaksi yang positif dalam kalangan pelajar dan guru PAV.

Hala tuju transformasi ini bertujuan meningkatkan lagi peranan pihak sekolah dalam membentuk kemahiran diri pelajar dari segi bidang teknikal dan vokasional serta kebolehkkerjaan dalam diri khususnya sekolah menengah harian yang menawarkan program PAV.

Tahap kebolehkkerjaan pelajar PAV perlu dilihat secara menyeluruh dari segi kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis

dalam menyelesaikan sebarang masalah yang timbul dengan efektif, menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik khususnya dalam Bahasa Inggeris, menguasai kemahiran teknikal dan vokasional yang diperlukan oleh pihak industri, menguasai elemen keusahawanan yang diperlukan dalam diri, menguasai pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi serta mahir mengaplikasikannya, mengaplikasikan strategi belajar yang diperlukan dewasa kini dan pro aktif dalam aktiviti kokurikulum.

Lantaran itu, untuk mencapai tahap ini pelajar PAV perlu mengubah sikap, perlu mempertingkatkan keyakinan diri serta perlu berusaha bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta memperbanyakkan aktiviti yang boleh meningkatkan kebolehkkerjaan dalam diri.

Justeru, usaha yang menyeluruh dan bersepadu daripada semua pihak perlu untuk memastikan program PAV yang merangkumi kurikulum dan kokurikulum menekankan aspek kebolehkkerjaan dalam kalangan

pelajar di sekolah menengah harian yang melaksanakan program PAV, agar pelajar yang mengikuti program PAV ini dapat memiliki kebolehkkerjaan dalam usaha membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan kerjaya pada masa akan datang seperti yang sering kali ditegaskan oleh kebanyakan pakar penyelidik dalam kajian mereka berkaitan kebolehkkerjaan dalam kalangan graduan teknikal yang menunjukkan bahawa majikan meletakkan kepentingan yang besar kepada kemahiran interpersonal, kemahiran berfikir dan kualiti peribadi yang pelajar perlu beri penekanan apabila diambil bekerja nanti. Berdasarkan kajian mereka ini memperlihatkan betapa pentingnya kebolehkkerjaan yang perlu dimiliki oleh setiap individu.

Oleh itu, institusi pendidikan khususnya pada peringkat sekolah yang diterajui BPTV diharap dapat mengenal pasti kebolehkkerjaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah harian khususnya yang menawarkan program PAV kerana ini

merupakan kesinambungan apabila pelajar itu melanjutkan pengajian di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) atau Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) atau pun Institut Pendidikan Tinggi (IPT) yang memfokuskan bidang teknikal dan vokasional dengan memberi penekanan terhadap kebolehkkerjaan agar pelajar itu dapat bersaing di pasaran kerjaya kelak.

Ini kerana mengikut kajian oleh beberapa orang penyelidik menyatakan bahawa keupayaan institusi pendidikan menyediakan pelajar yang memiliki kebolehkkerjaan bagi memenuhi permintaan pasaran kerja merupakan penanda aras kejayaan sesebuah institusi. Ini turut ditegaskan juga oleh segelintir penyelidik TVET dalam kajiannya yang membuktikan bahawa kelemahan graduan dewasa pada masa kini ialah dalam kedua-dua kemahiran iaitu teknikal dan kebolehkkerjaan.

Sehubungan dengan itu, memiliki ciri-ciri kebolehkkerjaan dalam diri pekerja industri sudah pasti dapat meningkatkan produktiviti organisasi. Hal ini turut disokong oleh sebilangan

besar penyelidik TVET yang mana dalam kajian mereka rata-rata bersetuju bahawa melahirkan graduan yang mempunyai kebolehkkerjaan merupakan satu tanggungjawab yang perlu diambil perhatian serius oleh sesebuah institusi pengajian bagi memastikan graduan yang dihasilkan mudah memperoleh pekerjaan kelak. Dalam kata lain, agar graduan yang dilahirkan tidak termasuk dalam kalangan mereka yang menganggur disebabkan tidak memiliki kebolehkkerjaan yang sepatutnya perlu ada dalam diri setiap individu.

Isu kebolehkkerjaan dan kaitannya dengan masalah pengangguran ini turut mendapat perhatian pelbagai pihak yang kebanyakan juga turut bersetuju bahawa pengangguran dalam kalangan graduan sering kali dikaitkan dengan tahap kesesuaian program yang ditawarkan di institusi dan tahap kebolehkkerjaan yang dimiliki oleh setiap graduan kerana majikan amat menitikberatkan aspek ini.

Sebagai maklum balas terhadap keperluan ini pihak institusi pengajian

khususnya perlu sentiasa peka dan mengambil langkah proaktif dalam mengemas kini kandungan kurikulum yang ditawarkan dalam semua bidang kursus yang diambil oleh pelajar seiring dengan keperluan dan permintaan pihak industri masa kini.

Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa bukan pihak institusi pengajian sahaja bahkan setiap individu khususnya dalam kalangan pelajar PAV sama ada mereka sebagai seorang pelajar atau pekerja kelak, perlu memiliki ciri-ciri kebolehkkerjaan dalam diri agar dapat berdaya saing secara positif dan produktif pada peringkat global atau domestik demi memastikan modal insan produktif dalam kalangan pelajar PAV itu sendiri dapat direalisasikan pada masa akan datang demi menyahut inspirasi negara dalam membentuk negara berpendapatan tinggi.

** Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*